

Soalan 1

	RM
Perabot	12 800
Kenderaan	24 000
Inventori	18 650
Akaun Belum Terima	6 400
Bank	18 100
Tunai	2 100
Akaun Belum bayar	10 650

Mac 2 Beli barang niaga secara kredit berjumlah RM3 200 daripada Pembekal Jazi.
4 Pulangan belian RM320.
5 Barang niaga pada kos RM1800 dijual secara kredit RM2 500.
7 Bayar Akaun Belum Bayar dengan cek RM3 900 dan terima diskaun RM240.
8 Jualan tunai RM2 300, Kos barang niaga ialah RM1 700.
9 Terima komisen secara tunai RM650.
10 Pemilik membawa masuk van peribadi bernilai RM12 000 ke dalam perniagaan.
11 Tunai pejabat berjumlah RM2 000 dibankkan.
13 Terima cek daripada Akaun Belum Terima berjumlah RM2 200.
15 Ambilan barang niaga bernilai RM350 untuk kegunaan keluarga.
16 Cek Akaun Belum Terima bernilai RM1 000 dipulangkan oleh pihak bank kerana tak laku.
18 Beli perabot pejabat secara kredit bernilai RM1 700 daripada Syarikat Perabot Lam.
20 Bayar sewa kedai RM600 dengan cek.
24 Bayar gaji pekerja dengan cek RM1 200.

(a) Menghitung modal pada 1 Mac 2023.
(b) Merekod urus niaga di atas ke dalam Jadual Persamaan Perakaunan. (Lampiran A)

[illegible]

Soalan 2

Salleh merupakan pemilik Permata Enterprise yang menjalankan perniagaan di Seremban. Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan beliau pada 31 Mac 2022.

	RM
Kenderaan	60 000
Alatan Pejabat	12 500
Inventori	24 130
Tunai di Bank	20 400
Akaun Belum Terima	9 020
Akaun Belum Bayar	6 900
Untung bersih	6 000
Modal	113 150

Urus niaga berikut telah berlaku sepanjang bulan Mac 2022:

- Menjual barang niaga berkos RM1 600 secara kredit pada harga RM2 400.
- Belian barang niaga RM2 000 dan menjelaskan bayaran dengan cek.
- Pemilik mengambil barang niaga berkos RM350 dan cek sebanyak RM400 untuk kegunaan keluarga.
- Memulangkan barang yang salah jenama RM300 kepada Akaun Belum Bayar.
- Bayar belanja utiliti kedai RM350 dengan cek.
- Sekeping cek bernilai RM 2 300 daripada Akaun Belum Terima telah ditanda sebagai cek tak laku.
- Pemilik membawa masuk komputer ke dalam perniagaan bernilai RM2 500 yang dibeli dengan peribadi untuk kegunaan perniagaan.
- Membayar kepada pembekal sebanyak RM3 500 dengan cek. Terima diskaun RM250.

Anda dikehendaki menyediakan :

- Jadual persamaan perakaunan yang telah disediakan (Lampiran C)

LAMPIRAN C

	Kenderaan	Alatan Pejabat	Inventori	Akaun Belum Terima	Bank	Akaun Belum Bayar	Modal	Untung Bersih